

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)
TARIKH : 8 NOVEMBER 2017 (RABU)
NO. SOALAN : 20

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyediakan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam pelaksanaan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) dan penubuhan hub e-dagang Alibaba Jack Ma di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang telah dilancarkan pada 22 Mac 2017 sebenarnya bertujuan menyokong aktiviti perdagangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan seperti berikut:

- (i) menggalakkan lebih banyak PKS untuk mengeksport produk buatan Malaysia ke pasaran global melalui medium eDagang;
- (ii) menggalakkan *eMarketplace* global untuk mendapatkan bekalan produk terus dari pengilang dan penjual tempatan;
- (iii) menjadikan Malaysia sebagai hab *fulfillment* serantau bagi jenama global untuk menembusi pasaran ASEAN; dan
- (iv) menjadikan Malaysia sebagai hab digital terbesar di peringkat global yang berupaya menarik syarikat-syarikat teknologi tersohor dari negara-negara seperti Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat dan syarikat perintis yang berhasrat untuk meluaskan operasi mereka ke rantau Asia Tenggara.

Majlis eDagang Kebangsaan (NeCC) yang diterajui oleh MITI kini sedang mempergiatkan usaha untuk memastikan PKS tempatan bersedia mengambil peluang menjelang pelaksanaan Projek Perintis DFTZ mulai awal bulan November 2017 kelak. Di antara inisiatif yang telah dijalankan termasuk:

- (i) pelancaran platform 'Go eCommerce' yang menyediakan lebih dari 70 modul latihan dan bimbingan secara dalam talian kepada PKS yang berdaftar untuk mengaplikasi eDagang dan seterusnya menembusi pasaran eksport. Pendaftaran adalah terbuka secara percuma kepada semua PKS tempatan dan ianya boleh dicapai melalui laman sesawang www.GoeCommerce.my;

- (ii) menyediakan pelbagai program bimbingan dan latihan kepada PKS tempatan yang dilaksanakan secara usahasama dengan pihak industri seperti Alibaba, Lazada, 11 Street, Google dan sebagainya. Sebagai contoh, aktiviti konsultasi dan perkongsian maklumat di bawah Program eTRADE di bawah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah melibatkan penyertaan sebanyak 5,191 syarikat yang mana majoritinya adalah PKS;
- (iii) mengadakan sebanyak 76 siri Bengkel *DFTZ SME Onboarding* ke seluruh negara secara usahasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), MATRADE, SME Corp. Malaysia dan Kumpulan Alibaba bagi mengenalpasti sekurang-kurangnya 1,500 PKS tempatan yang berpotensi untuk menyertai program eksport di bawah inisiatif DFTZ pada tahun ini; dan
- (iv) melaksanakan program *engagement* dan turun padang bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan tahap kesedaran golongan PKS tempatan mengenai agenda eDagang kebangsaan. Ini termasuk penganjuran Forum eDagang Kebangsaan pada 26 Julai 2017 dan Program *MITI Day* di peringkat kebangsaan dan negeri.